

20 SEP 2002

BELANJAWAN-PERKHIDMATAN

CUKAI PERKHIDMATAN PROFESIONAL DALAM KUMPULAN SAMA TIDAK DIKENAKAN CUKAI

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Pengenaan cukai perkhidmatan profesional yang diberikan kepada syarikat dalam kumpulan yang sama tidak dikenakan cukai perkhidmatan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Muhamad di Parlimen hari ini.

Pada kedudukan semasa, cukai perkhidmatan 5 peratus dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai yang diberikan oleh mana-mana orang termasuk perkhidmatan profesional yang diberikan oleh syarikat kepada mana-mana syarikat dalam kumpulan yang sama.

Perkhidmatan profesional yang terlibat adalah akauntan awam, peguambela dan peguamcara, jurutera profesional, arkitek, juru ukur termasuk penilai, penaksir atau agen hartanah, juru perunding dan perkhidmatan pengurusan.

Semasa membentangkan Belanjawan 2003 di Dewan Rakyat, beliau berkata, bagi mengurangkan kos penghantaran ke luar negara, adalah dicadangkan perkhidmatan pengiriman cepat dari suatu tempat di dalam Malaysia ke luar Malaysia tidak dikenakan cukai perkhidmatan.

Pada kedudukan semasa, perkhidmatan pengiriman cepat dikenakan cukai perkhidmatan 5 peratus tidak kira sama ada pengiriman di dalam atau di luar negara.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, bagi menggiatkan lagi industri percetakan dan membantu mengurangkan kos percetakan buku dan lain-lain bahan bacaan dalam negara, adalah dicadangkan duti import dan cukai jualan ke atas kertas berkualiti dimansuhkan.

Pada masa ini, kertas berkualiti tertakluk kepada duti import 5 peratus atau 10 peratus dan cukai jualan 10 peratus, manakala buku dan lain-lain bahan bacaan tidak dikenakan sebarang cukai.

Ini tidak menggalakkan percetakan buku dan lain-lain bahan bacaan di dalam negara, tegasnya. -- BERNAMA

CL OS